



# PROSIDING KOLOKIUUM DAULAT TUANKU

*“KEPIMPINAN TRADISIONAL DALAM  
INSTITUSI KESULTANAN MELAYU”*

7-8 Februari 2024

Kutubkhanah Diraja, Kompleks Muzium Diraja Sultan Haji Ahmad  
Shah, Kuantan





**PROSIDING  
KOLOKIUUM DAULAT TUANKU**

***“KEPIMPINAN TRADISIONAL DALAM  
INSTITUSI KESULTANAN MELAYU”***



**PROSIDING  
KOLOKIUUM DAULAT TUANKU**

***“KEPIMPINAN TRADISIONAL DALAM  
INSTITUSI KESULTANAN MELAYU”***

7-8 Februari 2024

Kutubkhanah Diraja,  
Kompleks Muzium Diraja Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan

Perbadanan Muzium Negeri Pahang

Cetakan Pertama, 2024

© Hak Cipta Muzium Pahang, 2024

Semua hakcipta penulis dan penerbit terpelihara. Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbit atau dipindah dalam apa jua cara, sama ada elektronik atau mekanikal, termasuklah fotokopi, salinan semula atau dalam apa jua bentuk sistem storan atau capaian tanpa keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta dan juga penerbit.

*Diterbitkan oleh*

Perbadanan Muzium Negeri Pahang  
Muzium Sultan Abu Bakar,  
26600 Pekan, Pahang, Malaysia.

# Isi Kandungan

KATA ALU-ALUAN .....	i
Dato' Ahmad Farid bin Abdul Jalal .....	i
PERANAN KESULTANAN DAN PEMBESAR MELAYU DALAM MELESTARIKAN KEDAULATAN WATAN .....	1
Datuk Profesor Madya Dr. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain* .....	1
PERANAN PEMBESAR DALAM SEJARAH KESULTANAN MELAYU MELAKA .....	40
Mardiana binti Nordin* .....	40
ORANG BESAR BEREMPAT (OB4) DALAM KESULTANAN MELAYU PAHANG.....	56
YDH Dato' Sri Wan Haji Wahid bin Wan Haji Hassan* .....	56
MEMPERBAHARU TRADISI: KESINAMBUNGAN STRUKTUR DAN GELARAN ORANG BESAR-BESAR NEGERI PAHANG .....	64
Hayati binti Adnan* &Awang Azman bin Awang Pawi** .....	64
PEMBESAR-PEMBESAR DAN PERANAN DALAM PEMERINTAHAN KESULTANAN KEDAH ZAMAN TRADISIONAL HINGGA 1905 .....	84
Dr. Ibrahim bin Bakar* .....	84
PERANAN PEMBESAR DALAM HISTORIOGRAFI DAN KETATANEGARAAN MELAYU...	107
Jelani Harun* .....	107
SEJARAH DAN PERANAN PEMBESAR DALAM KESULTANAN PAHANG.....	123
Dato' Haji Badli Shah bin Haji Alauddin* .....	123
PERANAN PEMBESAR DALAM SEJARAH KESULTANAN KELANTAN .....	133
Mohamed Safaruddin bin Ismail* .....	133
BELAT KEDAULATAN: PERANAN PEMBESAR DALAM SEJARAH KERAJAAN JAMALULLAIL PERLIS.....	140
Hazman bin Hassan,*Mohd Kasturi Nor Abd Aziz**& Mohd Nazim Mohd Noor*** .....	140
PERANAN PEMBESAR DALAM SEJARAH KESULTANAN TERENGGANU .....	158
Od.M. Anwar* .....	158
SEJARAH INSTITUSI PEMBESAR DALAM KESULTANAN SELANGOR .....	173
Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria* .....	173
TERAS PEMIMPIN SERTA KEPEMIMPINAN DALAM PENTADBIRAN MODEN DAN ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN .....	218
Shamsuddin Ahmad,*Mohd Nazim Abdul Gaman,**& Asrul Effendi Kamaruzzaman*** .....	218





## KATA ALU-ALUAN

Dato’ Ahmad Farid bin Abdul Jalal  
Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Pahang

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Syukur ke hadrat Allah s.w.t. di atas pemberian nikmat dan rahmat-Nya yang tidak terhingga. Selawat dan salam kepada junjungan mulia, Nabi Muhammad s.a.w, para sahabat, tabi’in serta para pengikutnya yang bertungkus-lumus memperjuangkan Islam sehingga sampai kepada kita pada hari ini.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyampai ucapnama, para pembentang kertas kerja, moderator, urus setia dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Kolokium Daulat Tuanku: “Kepimpinan Tradisional Dalam Institusi Kesultanan Melayu”.

Sistem pemerintahan beraja di negara ini telah berjalan hampir lebih 600 tahun. Zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka dikatakan zaman kegemilangan bagi pemerintahan beraja di alam Melayu yang kemudiannya diwarisi oleh pemerintahan-pemerintahan setelahnya. Pada ketika itu, sultan bertanggungjawab terhadap semua aspek pentadbiran seperti sebagai ketua tentera, penjaga undang-undang, ketua agama Islam dan adat resam, mengadakan hubungan baik dengan negara luar, berkuasa untuk melantik pembesar serta berkuasa untuk memungut cukai.

Sultan memerintah negeri dengan nasihat dan bantuan daripada para pembesar bagi memastikan kemakmuran dan keharmonian negerinya. Konsep kedaulatan sultan serta taat setia pembesar dan rakyat dalam institusi beraja menjadi tunggak kepada ketuanan Melayu. Hal ini seperti yang diungkapkan dalam Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin):

*“... dan hendaklah engkau muafakat dengan segala menteri dan segala orang besar-besarmu, kerana raja itu, jikalau bagaimana sekalipun bijaksananya dan tahunya, jikalau tiada muafakat dengan segala pegawainya di mana akan dapat ia melakukan bijaksananya itu.”*

Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin) memetik titah Sultan Mansur Shah kepada anakanda baginda yang menjelaskan tentang peri-pentingnya musyawarah antara raja pemerintah dengan pembesar. Kedaulatan seseorang raja pastinya pula bukanlah sekadar diterjemahkan melalui keagungan empayar pemerintahan, kewibawaan politik dan kepimpinan semata-mata, malah yang menjadi tonggak utama ialah sokongan daripada para pembesar.

Pembesar (*mala'*) menurut ahli bahasa secara umumnya, ialah seorang yang berpengaruh dan menjadi rujukan orang ramai. Kebiasaannya, para pembesar merupakan seorang elit, ketua, pemimpin, penguasa dan seumpamanya kepada sesuatu kelompok manusia secara rasmi atau pun tidak rasmi. Antara ciri golongan pembesar menurut ahli bahasa ialah mulia, tinggi kedudukan sosial, diharapkan daripada mereka dengan kebajikan dan pandangan bernas, memiliki kemampuan serta kekayaan, memiliki kedudukan serta pangkat, dikagumi, menonjol, dipandang hebat serta diharapkan dapat mencapai cita-cita, dan sebagai tempat rujuk. Manakala antara ciri-ciri golongan pembesar menurut para ahli tafsir ialah mulia, hebat, bertolong bantu dan dianggap dapat memenuhi realiti kehidupan.

Pelantikan pembesar ialah atas titah perkenan sultan. Walaupun terdapat gelaran pembesar yang diwarisi, namun kuasa pemutus yang menentukan pemegang gelaran tersebut masing terletak di bawah kuasa sultan. Menurut catatan sejarah, setiap pembesar ini diberi tauliah oleh sultan untuk melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan mengikut peranan masing-masing dalam membantu sultan mentadbir negeri dengan baik bagi menjamin kesejahteraan rakyat.

Walau bagaimanapun, kehadiran British telah menyebabkan sistem pentadbiran negeri mengalami banyak perubahan sehingga menghadkan dan mengecilkan peranan para pembesar. Melalui pelantikan Residen British, sistem pentadbiran berpusat telah diperkenalkan dan diamalkan sehingga ke hari ini. Keadaan ini menyebabkan golongan pembesar yang pada suatu masa dahulu merupakan tunggak kepimpinan tradisional selepas sultan, tidak lagi memegang atau terlibat dalam pentadbiran negeri secara langsung, hanya segelintir yang masih meneruskan tanggungjawab mereka.

Justeru, meneruskan siri Kolokium Diraja ‘Daulat Tuanku’ yang telah diadakan pada 20 & 21 April 2019 yang lalu, kolokium pada kali ini pula menghimpunkan para cendekiawan untuk membahaskan dan memberi pencerahan kepada masyarakat mengenai sejarah, peranan, tugas serta sumbangan para pembesar serta Orang Besar-Besar sebagai salah satu komponen utama kepimpinan tradisional dalam institusi Kesultanan Melayu.

Objektif utama Kolokium Daulat Tuanku: “Kepimpinan Tradisional dalam Institusi Kesultanan Melayu ini adalah untuk: mengenal pasti asal usul istilah pembesar; menghuraikan gelaran-gelaran pembesar; menjelaskan peranan pembesar dalam Institusi Kesultanan Melayu; mengenal pasti sumbangan pembesar dalam Institusi Kesultanan Melayu; serta memperlihatkan persamaan dan perbezaan dalam penggunaan gelaran para pembesar.

Melalui pembahasan dalam prosiding ini, diharapkan kita dapat menghayati kearifan tempatan yang terkandung dalam sistem kepemimpinan tradisional. Kepemimpinan ini tidak hanya mencerminkan sejarah yang panjang, tetapi juga memberikan pandangan yang bernilai dalam konteks masa kini. Kolokium ini diharap dapat memberi pencerahan yang berguna kepada masyarakat dalam menjaga dan melestarikan identiti serta budaya yang kaya dan unik ini.

Saya berharap kolaborasi ilmiah dalam kolokium ini dapat melahirkan gagasan-gagasan cemerlang, solusi, dan pandangan yang dapat diterjemahkan dalam konteks moden. Semoga prosiding ini menjadi sumber inspirasi bagi generasi penerus dalam memahami dan meneruskan warisan budaya kepemimpinan tradisional. Marilah sama-sama kita menyelami dan menghargai kearifan warisan ini serta membangun jambatan penghubung antara masa lalu dengan masa depan. Selamat membaca dan menyelami keindahan serta kebijaksanaan dalam kepemimpinan tradisional Kesultanan Melayu.

وبالله التوفيق والهدايه، السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

## PERANAN KESULTANAN DAN PEMBESAR MELAYU DALAM MELESTARIKAN KEDAULATAN WATAN

Datuk Profesor Madya Dr. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain\*

### Abstrak

Kesultanan Melayu mengikut adat Melayu bersifat syura yang terdiri daripada raja pemerintah dan para pembesar yang mendukung kedaulatan watannya. Dalam kewilayahan yang lebih besar Kesultanan Melayu Melaka yang kemudiannya dilestarikan warisannya oleh Kesultanan Johor-Pahang-Riau Lingga, Kesultanan Kedah dan Perak. Kesan pembubaran Kesultanan Johor-Pahang-Riau Lingga akhirnya membawa kepada kelahiran sembilan buah Negeri Melayu berdaulat di Tanah Melayu yang masih mendukung kedaulatan watan. Maklumat persejarahan Tanah Melayu yang diperturunkan dalam sistem pendidikan selepas hari merdeka kelihatan lebih menonjolkan frasa sistem demokrasi berparlimen daripada pengaruh kedaulatan yang menterasi sistem politik tradisional meskipun kedudukannya masih terpelihara dalam Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Melayu. Kertas ini bertujuan untuk mengemukakan peranan Kesultanan dan Pembesar Melayu dalam melestarikan kedaulatan watan. Kajian kualitatif berbentuk analisis kandungan dokumen digunakan. Peranan tersebut dikemukakan melalui keterangan dalam dokumen perundangan: Pertama, Bab 1 dan Cadangan Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu dan UMNO dalam Laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan bertarikh 18 November 1946; Kedua, Nota berhubung Keputusan yang dicapai oleh Jawatankuasa Kerja Perlembagaan 1946; Ketiga, Laporan Mesyuarat bertarikh 20 November 1946. Keterangan tersebut adalah bukti berwibawa untuk merekonstruksi kefahaman yang selama ini mengabaikan fakta penting sejarah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu dan penginstitusian Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Dapatan menunjukkan raja pemerintah dan pembesar Melayu menggunakan kebijaksanaan unggul penuh berhemat untuk memelihara kedaulatan watan sepanjang tempoh campur tangan British dan pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

**Kata kunci:** Kedaulatan watan, sistem politik tradisional, campur tangan British, Jawatankuasa Kerja Perlembagaan 1946, Perlembagaan Persekutuan.

### Pengenalan

Kesultanan Melayu mengikut adat Melayu bersifat syura yang terdiri daripada raja pemerintah dan para pembesar yang mendukung kedaulatan watannya. Amalan tersebut diwarisi daripada Kesultanan Melayu Melaka dan kesultanan selepasnya ialah Kesultanan Johor-Pahang-Riau Lingga, Kesultanan Kedah dan Perak. Kesultanan Kedah merupakan kerajaan tua yang berada di bawah naungan Kesultanan Melayu Melaka. Kesultanan Perak pula diasaskan oleh putera Sultan Mahmud I pada tahun 1528.

Sistem politik Kesultanan Johor-Pahang-Riau Lingga diketuai oleh pemerintah tertinggi yang digelar Yang di-Pertuan Besar serta pembesar utama yang antaranya turut

---

\* Pensyarah Institut Antarabangsa Pemikiran Islam dan Tamadun IIUM/ Fakulti Pengurusan Industri UMPSA